

## **TEKS UCAPAN PERASMIAN**

**YBRS. DR. MUHAMMAD RAWI MOHAMED ZIN  
PENGARAH KANAN (PENGURUSAN)**

### **BENGKEL PENETAPAN SASARAN KERJA UTAMA (SKU)/ KPI MY-PERFORMANCE 2022 DAN ANALISA PENCAPAIAN SKT/ KPI 2021 AGENSI NUKLEAR MALAYSIA SECARA HYBRID**

**16 FEBRUARI 2022**

---

Terima kasih saudara pengerusi majlis

Pengarah-pengarah Bahagian, Pengurus-pengurus,

Pegawai Penyelidik dan warga Nuklear Malaysia yang dihormati sekalian.

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera

1. Alhamdulillah, syukur kita ke hadrat Allah s.w.t kerana dengan limpah kurnia dan rahmatNya, dapat kita berhimpun secara hibrid pada pagi ini dalam program Bengkel Penetapan Sasaran Kerja Utama (SKU)/ KPI My-Performance 2022 dan Analisa Pencapaian SKT/ KPI 2021 Agensi Nuklear Malaysia. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan terima kasih diatas kehadiran dan penyertaan Dr/ Tuan/ Puan dalam bengkel pada hari ini.
2. Matlamat utama bengkel ini adalah bagi berkongsi, berbincang dan seterusnya menilai pencapaian dan prestasi SKT/ KPI 2021 Nuklear Malaysia dan membincangkan penetapan kerangka SKU/ KPI 2022 Nuklear Malaysia yang melibatkan pelaksanaan WNM2030.
3. Kita sedia maklum berdasarkan dokumen anggaran perbelanjaan persekutuan 2022 bahawa, Nuklear Malaysia telah diperuntukkan sebanyak RM85.616 Juta

Peruntukan Mengurus dan RM12.7 Juta Peruntukan Pembangunan bagi pelaksanaan pelbagai program dan aktiviti sepanjang tahun 2022.

4. Sehubungan dengan itu, selain perancangan kerja, proses pemantauan dan penilaian prestasi setiap program dan aktiviti yang dirancang juga merupakan elemen penting dalam membantu serta memastikan setiap sasaran berjaya dicapai.
5. Kejayaan pelaksanaan SKU dan KPI jabatan, akan turut menyumbang secara langsung terhadap sebahagian pencapaian KPI diperingkat Kementerian. Sehubungan itu, penilaian prestasi SKU jabatan melalui pengajuran bengkel ini merupakan usaha penting bagi memastikan prestasi baik dapat direkodkan diperingkat jabatan mahupun diperingkat Kementerian.
6. Inisiatif-inisiatif seperti pembangunan Pembangunan komponen IBS, Dataraya Isotop Stabil, Projek Flagship dalam Dasar Teknologi Nuklear Negara (DTNN), Projek Siklotron, Borehole, NUTEC, Teknologi Hidrogen, Nadir Bumi dan lain-lain seharusnya dapat direkodkan dan disasarkan dalam SKU bahagian terlibat di Nuklear Malaysia.
7. Saya mengharapkan supaya kita bersama-sama dapat membincangkan dan melontarkan pandangan mengenai tindakan yang boleh diambil dalam memastikan setiap sasaran berjaya dicapai.
8. Akhir kata, saya ucapkan selamat berbengkel kepada semua peserta. Semoga kita memperoleh manfaat daripada pengajuran bengkel pada hari ini. *Wabillah hi taufik Wal Hidayah*, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Sekian, terima kasih.